



**KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-  
Hafa Archery Juniors Open  
SIRI 4/2017**

**BERTEMPAT DI**

**STADIUM MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR  
KUALA SELANGOR**

**TARIKH**

**KATEGORI 3 (BAWAH 12 TAHUN)  
16 & 17 DISEMBER 2017**

**KATEGORI 1 (BAWAH 20 TAHUN), KATEGORI 2 (BAWAH 15  
TAHUN) & COMPOUND BAWAH 20 TAHUN)  
23 & 24 DISEMBER 2017**

**ANJURAN BERSAMA**



**SELAR**



**MSN SELANGOR**



**Hafa ARCHERY**

**PERATURAN PERTANDINGAN  
KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-HAFA ARCHERY  
SIRI 4/2017**

**1. PERATURAN AM**

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan mengikut **Undang-undang World Archery (WA) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.**
- 1.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang **World Archery (WA)** yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
  - 1.3.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-HAFA ARCHERY SIRI 4/2017 dan/atau Keputusan Bersama Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan.**
  - 1.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-undang World Archery (WA) dan/atau Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.**
- 1.4. Sebarang keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-HAFA ARCHERY SIRI 4/2017,** adalah **muktamad.**

**2. TARIKH PERTANDINGAN**

- 2.1. Bawah 12 tahun - 16 dan 17 Disember 2017
- 2.2. Bawah 20 dan 15 Tahun - 23 dan 24 Disember 2017.

*(Nota : Tarikh di atas adalah tertakluk kepada perubahan).*

**3. TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1. Pertandingan akan dijalankan di **STADIUM TERBUKA KUALA SELANGOR.**

#### 4. KATEGORI UMUR

- 4.1 Kategori 1 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **20 tahun hingga 17 tahun (Tahun lahir 1997 hingga 2000)**.
- Atlet di bawah program MSN Selangor diwajibkan menyertai kategori ini.
  - Atlet kelompok umur Kategori 2 dan Kategori 3 dibenarkan menyertai Kategori 1 sekiranya dapat membuktikan skor yang lalu.
  - Untuk layak ke Kategori 1, skor minima adalah **500 mata untuk Double 60m**. Sekiranya ada atlit yang berumur **16** tahun yang memilih untuk menyertai Kategori 1 adalah di alu-alu kan.
- 4.2 Kategori 2 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **16 tahun ke bawah (Tahun lahir 2001 dan selepasnya)**.
- 4.3 Kategori 3 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **12 tahun ke bawah (Tahun lahir 2005 dan selepasnya)**.
- 4.4 Compound - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **20 tahun ke bawah (Tahun lahir 1997 dan sebelumnya)**.

#### 5. YURAN PENYERTAAN

- 5.1. Kategori 1, 2 dan Compound - RM 80.00 setiap peserta.
- 5.2. Kategori 3 - RM 50.00 setiap peserta.
- 5.3. Pengurus Pasukan / Jurulatih - RM 20.00 seorang.
- 5.4. Pendaftaran dan borang pasukan dibuat secara online melalui pautan [hafaarchery@yahoo.com](mailto:hafaarchery@yahoo.com). Yuran penyertaan juga hendaklah di **BANK-IN** kan kebank **CIMB** atas nama **Hafa Archery ENT** dengan no akaun **12440000412106** sebelum **09 Disember 2017**.
- 5.5. Semua pasukan hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan dan salinan kad pengenalan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola semasa hari pendaftaran.

#### 6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada **16 Disember 2017** (untuk Kategori 3) dan **23 Disember 2017** (Untuk Kategori 1 dan 2).
- 6.2. Pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama salinan Kad Pengenalan atau salinan dokumen berkaitan untuk pengesahan. Hanya pertukaran nama atlet sahaja yang dibenarkan dan

penambahan kepada bilangan atlet yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

- 6.3. Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7. ACARA/KATEGORI

- 7.1. Acara yang akan dipertandingkan adalah **INDIVIDU SAHAJA** seperti berikut:

KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3	COMPOUND
<b>Qualifying Round (Hari Pertama)</b>			
Double 70m	Double 60m	Double 30m	Double 50m
122cm Face	122cm Face	122cm Face	122cm Face
<b>Elimination Round (Hari Kedua)</b>			
1/16	1/16	1/32	1/8

- 7.2. Untuk Qualifying atau Ranking Round, setiap atlet dikehendaki memanah jarak yang dipertandingkan sebanyak tujuh puluh dua (72) anak panah.
- 7.3. Atlet lelaki dan wanita yang mendapat kedudukan 32 dan ke atas (Kategori 1 dan 2), 62 dan ke atas (Kategori 3) dan 16 dan ke atas (Compound); akan layak ke Elimination Round.

## 8. PERALATAN PERTANDINGAN

- 8.1. Peralatan yang dibenarkan (Kategori 1, 2 dan Compound) adalah seperti termaktub dalam Undang-undang **WA Book 3. Chapter 11.1.**
- 8.2. Untuk Kategori 3 (bawah 12 tahun), pengecualian adalah untuk peralatan berikut:
- 8.2.1 Arrow - Jenis Aluminium sahaja dibenarkan.
  - 8.2.2 Limb - Jenis Fiberglass, Wood sahaja dibenarkan.

## 9. MASA MELAPORKAN DIRI

- 9.1. Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari latihan atau sebelum mesyuarat pengurus pasukan.

## 10. LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

- 10.1. Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa sesi latihan.
- 10.2. Setiap atlet mesti memakai nombor memanah semasa hari pertandingan.

## **11. PEGAWAI TEKNIKAL**

- 11.1. Pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Pegawai-pegawai Teknikal, Pengadil dan Hakim setelah berunding dan mendapat persetujuan daripada Persatuan Memanah Selangor (SELAR).
- 11.2. Pengadil-pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.

## **12. BANTAHAN/TATATERTIB**

- 12.1. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja.)
- 12.2. Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 12.3. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegat Teknikal dalam masa lima belas (15) minit selepas keputusan diumumkan atau selepas kejadian berlaku.

## **13. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB**

- 13.1. Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia yang terdiri:
  - 13.1.1. Pengerusi J/kuasa Pengelola atau wakil
  - 13.1.2. Pengarah Pertandingan /wakil
  - 13.1.3. Delegat Teknikal/ wakil
  - 13.1.4. Tiga (3) orang Pengurusan Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib.
- 13.2. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 13.3. Jawatankuasa Bantahan/Tataterib akan bersidang dalam masa lima belas (15) minit setelah menerima laporan daripada Ketua Delegat Teknikal dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 13.4. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah muktamad.

## 14. GANTI RUGI

14.1. MSN Selangor, Persatuan Memanah Negeri Selangor (SELAR) dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa Kejohanan ini berlangsung termasuk perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/rumah.

## 15. HADIAH-HADIAH

15.1. Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :

BIL	KATEGORI	ACARA	PINGAT			
			EMAS	PERAK	GANGSA	KE-4
1.	Kategori 1 - RM	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
2.	Kategori 1 - RW	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
3.	Kategori 2 - RM	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
4.	Kategori 2 - RW	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
5.	Kategori 3 - RM	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
6.	Kategori 3 - RW	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
7.	CM	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
8.	CW	• Qualification Rd	1	1	1	1
		• Elimination Rd	1	1	1	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>16</b>	<b>16</b>	<b>16</b>	<b>16</b>

15.2 Pihak penganjur **Hafa Archery** akan juga menyediakan hadiah berupa wang tunai bagi kategori **ELIMINATION ROUND** sahaja.

## 16. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

16.1 Hanya atlit, jurulatih dan pengurus sahaja dibenarkan berada di lapang sasaran pertandingan. Semua jurulatih dan pengurus akan diberi tag pengenalan.

Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

# JADUAL KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-HAFA ARCHERY SIRI 4/2017

## KATEGORI 3 (BAWAH 12 TAHUN)

TARIKH	MASA	ACARA	
<b>Sabtu, 16 Disember 2017</b>	08.00 – 12.00	Pendaftaran & Latihan	
	10.00 – 11.00	Mesyuarat Pengurus Pasukan	
	10.00 – 12.00	Pemeriksaan Peralatan	
	14.00 – 14.15	Latihan Rasmi	
	14.30 – 16.00	Kat 3 RW – Round 1 30m	Kat 3 RMI – Round 1 30m
	16.30 -18.00	Kat 3 RW – Round 2 30m	Kat 3 RM – Round 2 30m
<b>Ahad, 17 Disember 2017</b>	09.00 – 09.30	Latihan Rasm	
	09.45 – 10.15	Kat 3 RW – 1/32 (Set A)	Kat 3 RM – 1/32 (Set A)
	10.45 – 11.15	Kat 3 RW – 1/32 (Set B)	Kat 3 RM – 1/32 (Set B)
	11.30– 12.00	Kat 3 RW – 1/16	Kat 3 RM – 1/16
	14.00 – 14.30	Kat 3 RW – 1/8	Kat 3 RM – 1/8
	14.45 – 15.15	Kat 3 RW – Quarter Final	Kat 3 RM – Quarter Final
	15.30 – 16.00	Kat 3 RW – Semi Final	Kat 3 RM – Semi Final
	16.15 – 16.45	Kat 3 RW – Semi Final	Kat 3 RM – Semi Final
	17.00 – 18.00	Penyampaian Hadiah	

## KATEGORI 1, 2 DAN COMPOUND

TARIKH	MASA	ACARA					
<b>Sabtu, 23 Disember 2017</b>	08.00 – 12.00	Pendaftaran & Latihan					
	10.00 – 11.00	Mesyuarat Pengurus Pasukan					
	10.00 – 12.00	Pemeriksaan Peralatan					
	14.00 – 14.15	Latihan Rasmi					
	14.30 – 16.00	CW – Rd 1 50m	CM – Rd 1 50m	KAT 1 RW – Rd 1 70m	KAT 1 RM – Rd 1 70m	KAT 2 RW – Rd 1 60m	KAT 2 RM – Rd 1 60m
	16.30 -18.00	CW – Rd 2 50m	CM – Rd 2 50m	KAT 1 RW – Rd 2 70m	KAT 1 RM – Rd 2 70m	KAT 2 RW – Rd 2 60m	KAT 2 RM – Rd 2 60m
<b>Ahad, 24 Disember 2017</b>	09.00 – 09.30	Latihan Rasmi					
	09.45 – 10.15	KAT 1 RW – 1/16 (Set A)		KAT 1 RM – 1/16 (Set A)		KAT 2 RW – 1/16 (Set A)	
	10.45 – 11.15	KAT 1 RW – 1/16 (Set B)		KAT 1 RM – 1/16 (Set B)		KAT 2 RW – 1/16 (Set B)	
	11.30– 12.00	KAT 1 RW – 1/8		KAT 1 RM – 1/8		KAT 2 RW – 1/8	
	12.15 – 12.45					CW – 1/8	
	14.00 – 14.30	KAT 1 RW – Q/F	KAT 1 RM – Q/F	KAT 2 RW – Q/F	KAT 2 RM – Q/F	CW – Q/F	CM – Q/F
	14.45 – 15.15	KAT 1 RW – S/F	KAT 1 RM – S/F	KAT 2 RW – S/F	KAT 2 RM – S/F	CW – S/F	CM – S/F
	15.30 – 16.00	KAT 1 RW – Finals	KAT 1 RM – Finals	KAT 2 RW – Finals	KAT 2 RM – Finals	CW – Finals	CM – Finals
16.15 – 16.45	Penyampaian Hadiah						



**BORANG PENDAFTARAN  
KEJOHANAN MEMANAH  
SELANGOR JUNIORS-HAFA ARCHERY SIRI 4/2017**



<b>NAMA PASUKAN</b>	

PEGAWAI		
JAWATAN	NAMA	NO H/P
PENGURUS		
JURULATIH		

ATLET			
NAMA	NO K/P	JANTINA*	KATEGORI*
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C
		L / P	1 / 2 / 3 / C

*\* Sila bulatkan. Kategori 1 < 20 thn; Kategori 2 < 15 thn; Kategori 3 < 12 thn; C= Compound.*

Pendaftaran dan borang pasukan dibuat secara online melalui pautan [hafaarchery@yahoo.com](mailto:hafaarchery@yahoo.com). Yuran penyertaan juga hendaklah di **BANK-IN** kan kebank **CIMB** atas nama **HAFA ARCHERY ENT** dengan no akaun **12440000412106** sebelum **09 Disember 2017**.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Muhammad Hazwan di no 013-5326497.  
Pn Faridah 013-3579007